

Oleh Nor Faizah Mohamed
faizah@mediaprime.com.my

Kerlipan neon dan seni jalanan penuh bertenaga melarai hampir keseluruhan koleksi Chargers Outfitters musim ini.

Nyata tema Bright City Lights yang diangkat penuh daya inspirasi bagai menyeramkan lagi nuansa kota metropolitan dunia, selain memperlihatkan kreativiti lakaran seni urban generasi kini.

Rekaan kemeja-T dan padanan kasual, selain gabungan variasi kolar untuk stail berbeza ditonjolkan dengan perioran rona ceria lalu disulami gandingan jaket bomber dan denim.

Chargers Outfitters juga tampil berani dengan idea blok warna yang diserlahkan secara sederhana khususnya menerusi padanan kemeja-T dan celana pendek.

Warna asas seperti hitam, putih dan biru masih diberi perhatian tapi lebih kepada pelengkap gaya terutama pada helai luar.

Gaya sang pria moden menjadi titik tumpuan rekaannya, yang bukan saja untuk penampilan lebih bersahaja malah praktikal serta mudah dipadankan bersama helai lain.

Fabrik ringan antaranya kapas, nilon dan poliester menjadi nadi dalam koleksi ini, selain potongan minimallis bersama garisan kemas menjadi watak utamanya yang boleh dilihat menerusi padanan kemeja bersama helai semi formal dalam kepelbagaian rona.

IDEA kasual + blok warna sederhana

Jaket yang digandingkan bersama skinny serta kemeja-T berkolar dengan seluar berercat menjadikan antara beberapa item suai padan menarik yang dicetuskan khusus untuk musim ini.

Menariknya, sebahagian kemeja boleh ditukar depan dan belakang, sekali gus memberikan penampilan berbeza.

Koleksi Chargers Outfitters kini boleh didapati di butik Outfitters Studio, selain gedung beli-belah utama antaranya Parkson. Layari www.facebook.com/ChargersOutfitters bagi menyertai gerakan fesyennya di samping berpeluang memenangi hadiah menarik menerusi beberapa pertandingan yang dianjurkan.



Menariknya, sebahagian kemeja boleh ditukar depan dan belakang, sekali gus memberikan penampilan berbeza



Kulit bebas cela

Oleh Faizatul Farlin Farush Khan
ffarlin@mediaprime.com.my

99 peratus bakteria yang menyebabkan jerawat dan mengurangkan parut jerawat dengan ketara.


Diperkaya dengan vitamin B dan asid salisilik untuk membantu menegah jerawat, kualiti vitamin B3 di dalam pencuci muka itu juga bertindak merangsang antioksidan semula jadi kulit, seterusnya menghasilkan wajah lebih licin dan kurang kedaduan.

Rangkaian pencuci muka Vaseline Men turut dilengkapi varian seperti Oil Control, Healthy White, Anti-Dullness, Spot Removal dan Anti-Aging, untuk memudahkan lelaki menjaga kulit mereka.

Pelembap Oil Control Vaseline membantu mengawal pengeleluaran minyak dan menegah jerawat yang terdapat dalam SPF 15, manakala varian Hydrate & Soothe, dicipta khusus bagi lelaki yang mahukan kulit yang lebih cerah sambil mengurangkan bintik hitam.

Rangkaian pencuci muka Vaseline Men kini boleh didapati di kedai pada harga RM13.90 (100g) dan RM6.90 (50g). Pelembap muka SPF 15 Vaseline Men pula boleh dibeli pada harga RM23.50 (50g), manakala varian Oil Control dan Hydrate & Soothe pula berharga RM18.90 (40g).





GAYA. sang pria *MODEN*